

11 NOV 1998

PERWAJA-KONVENSYEN

MSSA ANJUR KONVENSYEN KELULI BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Konvensyen yang berlangsung selama dua hari dijangka menarik kira-kira 300 peserta bukan sahaja dari rantau Asean tetapi juga dari negara-negara Timur Jauh Timur Tengah.

Konvensyen anjuran Persatuan Keluli Struktur Malaysia (MSSA) akan menemukan mereka yang bergiat dalam industri keluli struktur dari bidang teknikal dan bukan teknikal termasuklah pemaju, kontraktor, pereka bentuk, jururunding, penyelidik dan akademik.

Menurut kenyataan dari Perwaja Steel Sdn Bhd, penaja utama acara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama dan merasmikan konvensyen tersebut.

Konvensyen MSSA itu turut dianjurkan bersama oleh Pusat Teknologi Keluli, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Universiti Teknologi Malaysia.

Lapan kertas kerja dijangka dibentangkan di konvensyen tersebut, yang kedua anjuran MSSA. Sempena acara itu, satu pameran disertai oleh 20 hingga 30 peserta akan mempamerkan keluaran serta teknologi keluli terkini.

-- BERNAMA

MK MA